

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KUALITI**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)**  
**KALI KE-27**

---

Tarikh : 28 April 2016 (Khamis)  
 Masa : 2.30 Petang  
 Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran  
             Universiti Putra Malaysia (UPM)  
 Kehadiran : **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<b>27.0</b>	<p><b>Kata Aluan Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi-</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) ISMS dan EMS, TWP Proses dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-27 ini;</p> <p>(b) merakamkan ucapan tahniah kepada Timbalan Wakil Pengurusan yang baru dilantik, dan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Timbalan Wakil Pengurusan atas sumbangan yang diberikan selama berkhidmat sebagai TWP di PTJ masing-masing;</p> <p>(c) turut merakamkan ucapan selamat maju jaya kepada TWP yang kini telah bertugas di PTJ baru ekoran daripada pertukaran pegawai berkuatkuasa pada 4 April 2016 yang lalu;</p> <p>(d) memaklumkan bahawa pejabat Pusat Jaminan Kualiti (CQA) telah berpindah ke lokasi baru iaitu di Tingkat</p>	<p style="text-align: center;"><b>Makluman</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Makluman</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Makluman</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Makluman</b></p>

	<p>4, Bangunan Canselori Putra, UPM bermula pada 14 Mac 2016; dan</p> <p>(e) memaklumkan bahawa CQA sentiasa membuka ruang kepada semua ahli untuk memberi sebarang cadangan atau pandangan berkaitan penambahbaikan berterusan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan aspek pengurusan kualiti di UPM.</p>	<b>Makluman</b>
<b>Minit 27.1</b>	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali Ke- 26</b></p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali Ke-26 yang telah diadakan pada 26 Januari 2016 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<b>Makluman</b>
<b>Minit 27.2</b>	<p><b>Perkara-perkara Berbangkit</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali Ke-26 seperti mana pada kertas edaran yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:</p> <p>(i) <b>Minit 26.2 (i)</b> - mengambil maklum Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (FSPM), UPMKB telah mengenal pasti syarikat Lau Hieng Kii yang berperanan sebagai syarikat pengumpulan bahan kitar semula di kampus bintulu. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju supaya pihak FSPM mengenalpasti kaedah pengumpulan hasil jualan kertas terpakai dan kaedah pembayaran kepada pelajar asnaf yang terlibat dalam proses kutipan kertas dan seterusnya memaklumkan status pelaksanaannya dalam Mesyuarat JKK akan datang.</p> <p>(ii) <b>Minit 26.2 (ii)</b> - mengambil maklum status terkini penutupan Laporan Ketakakuran Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti QMS Tahun 2015 setakat 22 April 2016 adalah sebanyak 96.5% (165/171). Sehubungan itu, mesyuarat meminta agar PTJ yang berkenaan mengambil tindakan segera dengan menghantar bukti objektif tindakan pembetulan ke atas NCR Audit Dalaman QMS kepada CQA tidak lewat daripada 06 Mei 2016.</p>	<b>TWP Fakulti Sains Pertanian dan Makanan</b>  <b>Penyelaras QMS/ TWP PTJ (FBSB, FS, FSKTM)</b>

		<b>Makluman</b>
	(iii) <b><u>Minit 26.3 (b)</u></b> - mengambil maklum pencapaian pelan tindakan tahun 2015 bagi proses Pengurusan Penerbitan Buku Karya Asli di bawah tanggungjawab Penerbit UPM sehingga April 2016 telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 86.8%.	
	(iv) <b><u>Minit 26.4 (c)</u></b> - mengambil maklum Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) akan mengadakan Bengkel Penyelaras Piagam Pelanggan bagi menyemak dan memastikan piagam pelanggan yang dibangunkan selaras dengan pelan fungsian dan aras yang digunakan di UPM. Bengkel siri pertama dijadualkan pada 30 Mei 2016 melibatkan semua PTJ termasuk Pusat Asasi Sains Pertanian, manakala siri kedua bengkel dijadualkan pada 9 Ogos 2016 melibatkan semua peneraju proses utama. Mesyuarat memohon agar laporan pelaksanaan bengkel dilapor dalam Mesyuarat JKK selepas pengendalian bengkel berkenaan.	<b>Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU)</b>
	(v) <b><u>Minit 26.5(b)</u></b> - mengambil maklum satu perbincangan khas berkaitan skop pelaksanaan EMS akan diadakan pada 12 Mei 2016 yang akan turut mengambilkira cadangan pelan tindakan ke atas objektif EMS yang tidak mencapai sasaran.	<b>Timbalan Wakil Pengurusan EMS, Penyelaras EMS, &amp; Peneraju EMS</b>
	(vi) <b><u>Minit 26.5 (b)</u></b> - memohon semua PTJ yang terlibat dengan pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik supaya memastikan pemantauan dibuat di peringkat mesyuarat pengurusan PTJ masing-masing terutamanya bagi ketakakuran yang disebabkan oleh sikap pegawai.	<b>TWP PTJ yang berkenaan</b>
	(vii) <b><u>Minit 26.8 (b)</u></b> – mengambil maklum masih terdapat sebanyak 30 PTJ yang belum mengemukakan nama penyelaras 5S PTJ masing-masing sepetimana yang dinyatakan di <b>Lampiran B</b> . Justeru, mesyuarat meminta supaya PTJ yang berkenaan memberi maklumbalas kepada CQA selewatnya pada 6 Mei 2016 bagi membantu kelancaran proses lantikan Jawatankuasa Amalan 5S Peringkat Universiti. Mesyuarat turut menyarankan semua PTJ untuk terus melaksanakan Amalan 5S di peringkat PTJ	<b>TWP PTJ yang berkenaan</b>

	<p>masing-masing memandangkan pelaksanaanya akan turut dinilai bagi Anugerah Amalan 5S dan juga Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran sempena Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2016.</p> <p><b>Penyelaras 5S</b></p> <p>(viii) <b>Minit 26.8 (c)</b> – meminta supaya terma rujukan ahli Jawatankuasa Amalan 5S Universiti diedarkan kepada semua ahli mesyuarat untuk semakan awal sebelum dibawa untuk disahkan pada Mesyuarat JKK akan datang.</p>	
<b>Minit 27.3</b>	<p><b>Laporan Pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 Tahun 2016</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>(a) mengambil maklum Audit Dalaman QMS MS ISO 9001:2008 Universiti Putra Malaysia telah dilaksanakan pada 4 hingga 6 April, 7 hingga 8 April (UPM Kampus Bintulu sahaja), 11 hingga 13 April dan 18 hingga 19 April 2016 dengan skop yang diaudit adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat <i>tertiary</i>;</li> <li>(ii) pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan;</li> <li>(iii) perhubungan industri dan masyarakat;</li> <li>(iv) pengurusan pembangunan pelajar dan alumni; dan</li> <li>(v) perkhidmatan korporat.</li> </ul> <p>(b) mengambil maklum seramai 82 orang Juruaudit Dalaman QMS UPM yang diketuai oleh Tn. Haji Suhaifi bin Sulaiman telah terlibat melaksanakan audit dalaman pada kali ini.</p> <p>(c) mengambil perhatian terhadap penemuan Audit Dalaman yang telah memperolehi sebanyak 190 Laporan Ketakakuran (NCR) melibatkan 26 klausu dan 129 Peluang Penambahbaikan (OFI) melibatkan 23 klausu. Perincian mengenai penemuan Audit Dalaman QMS MS ISO 9001:2008 adalah merujuk kepada <b>Laporan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 (Agenda 4)</b> sebagaimana</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

	<p>yang telah dibentang oleh Ketua Juruaudit Dalaman.</p> <p>(d) meminta PTJ mengambil tindakan segera bagi membolehkan laporan penemuan audit ditutup dalam tempoh 21 hari bekerja iaitu pada 24 Mei 2016 atau pada tarikh yang telah dipersetujui oleh Juruaudit Dalaman UPM.</p> <p>(e) meminta semua ahli mengambil perhatian terhadap tarikh penting yang dinyatakan dalam Takwim Pelaksanaan Tindakan Penemuan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) UPM Tahun 2016 yang melibatkan PTJ seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Tarikh</th><th>Perkara/Aktiviti</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>26/4/2016 - 6/5/2016</td><td>Perbincangan cadangan pelan tindakan penemuan audit dalaman di peringkat PTJ</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>6/5/2016</td><td>Penghantaran maklumbalas pelan tindakan penemuan audit dalaman kepada CQA</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>13/5/2016</td><td>Bengkel Penyelaras Pelan Tindakan Penemuan Audit Dalaman</td></tr> <tr> <td>4.</td><td>16-24/5/2016</td><td>Perlaksanaan tindakan berdasarkan pelan tindakan yang telah disenaraikan dalam Senarai Daftar Penemuan Audit Dalaman (kemaskini selepas bengkel pada 13/5/2016)</td></tr> <tr> <td>5.</td><td>24/5/2016</td><td>Penutupan penemuan audit dalaman (kecuali tarikh lain yang dipersetujui)</td></tr> </tbody> </table> <p>(f) mengambil perhatian pada tahun ini, buat kali pertama pelaporan akan dilaksana secara atas talian. Mesyuarat merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Puan Noraihan Noordin, Encik Krishnan Mariappan dan Tuan Sayid Mohamad Nazari Sayid Ismail atas inisiatif membangunkan sistem pelaporan secara atas talian untuk audit dalaman.</p>	Bil.	Tarikh	Perkara/Aktiviti	1.	26/4/2016 - 6/5/2016	Perbincangan cadangan pelan tindakan penemuan audit dalaman di peringkat PTJ	2.	6/5/2016	Penghantaran maklumbalas pelan tindakan penemuan audit dalaman kepada CQA	3.	13/5/2016	Bengkel Penyelaras Pelan Tindakan Penemuan Audit Dalaman	4.	16-24/5/2016	Perlaksanaan tindakan berdasarkan pelan tindakan yang telah disenaraikan dalam Senarai Daftar Penemuan Audit Dalaman (kemaskini selepas bengkel pada 13/5/2016)	5.	24/5/2016	Penutupan penemuan audit dalaman (kecuali tarikh lain yang dipersetujui)	<b>TWP Peneraju Proses &amp; TWP PTJ</b>  <b>Makluman</b>
Bil.	Tarikh	Perkara/Aktiviti																		
1.	26/4/2016 - 6/5/2016	Perbincangan cadangan pelan tindakan penemuan audit dalaman di peringkat PTJ																		
2.	6/5/2016	Penghantaran maklumbalas pelan tindakan penemuan audit dalaman kepada CQA																		
3.	13/5/2016	Bengkel Penyelaras Pelan Tindakan Penemuan Audit Dalaman																		
4.	16-24/5/2016	Perlaksanaan tindakan berdasarkan pelan tindakan yang telah disenaraikan dalam Senarai Daftar Penemuan Audit Dalaman (kemaskini selepas bengkel pada 13/5/2016)																		
5.	24/5/2016	Penutupan penemuan audit dalaman (kecuali tarikh lain yang dipersetujui)																		
<b>Minit 27.4</b>	<p><b>Laporan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2016</b></p> <p>Mesyuarat -</p> <p>(a) mengambil maklum dan meneliti cadangan</p>																			

	<p>pelaksanaan Sambutan HKIP UPM Tahun 2016 yang juga merupakan kali keempat penganjurannya di UPM sepetimana kertas yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum cadangan pelaksanaan HKIP tahun 2016 telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan (JPU) UPM Ke-569 pada 23 Mac 2016 untuk dilaksanakan pada 27 Oktober 2016. Objektif penganjuran HKIP UPM adalah untuk -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;</li> <li>(ii) memupuk dan memperkuuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;</li> <li>(iii) merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan</li> <li>(iv) menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.</li> </ul> <p>(c) mengambil maklum terdapat 7 anugerah yang akan dipertandingkan sempena HKIP tahun 2016 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Anugerah Mencipta Tema HKIP (Peneraju: Perpustakaan Sultan Abdul Samad)</li> <li>(ii) Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S (Peneraju: Pusat Jaminan Kualiti)</li> <li>(iii) Anugerah Pengurusan Lean (Peneraju: Pejabat Pendaftar)</li> <li>(iv) Anugerah Idea Inovasi (Peneraju: Pusat Jaminan Kualiti)</li> <li>(v) Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Peneraju: Pusat Jaminan Kualiti)</li> <li>(vi) Anugerah Inovasi Perkhidmatan (Peneraju: Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi); dan</li> <li>(vii) Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran (Peneraju: Pusat Jaminan Kualiti)</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
--	--	--

	<ul style="list-style-type: none"> <li>(d) bersetuju supaya nama Anugerah Mencipta Tema HKIP dan Anugerah Idea Inovasi dipinda kepada Hadiah Mencipta Tema HKIP dan Hadiah Idea Inovasi mengambilkira faktor taraf anugerah termasuk nilai hadiah yang ditawarkan.</li> <li>(e) turut merakamkan penghargaan kepada pihak Pengurusan Universiti atas peningkatan jumlah peruntukan yang diluluskan untuk anugerah sempena HKIP tahun 2016.</li> <li>(f) mengharapkan penglibatan secara menyeluruh oleh semua PTJ dalam semua kategori anugerah/hadiah yang dipertandingkan pada sempena HKIP tahun 2016.</li> <li>(g) bersetuju agar semua ahli memastikan tidak berlaku pertindihan aktiviti di peringkat PTJ dengan HKIP tahun 2016, agar staf PTJ dapat turut sama meraikan Majlis HKIP tahun 2016.</li> <li>(h) juga bersetuju agar ahli mesyuarat meuar-uarkan maklumat HKIP 2016, terutamanya anugerah yang dipertandingkan kepada ahli PTJ masing-masing.</li> </ul>	<b>Pengerusi JK Induk HKIP</b>
		<b>Makluman</b>
		<b>TWP PTJ</b>
		<b>TWP PTJ</b>
		<b>TWP PTJ</b>
<b>Minit 27.5</b>	<p><b>Laporan Dokumentasi ISO</b></p> <p>Mesyuarat -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mengambil maklum dan meneliti cadangan pindaan Manual Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001 seperti mana huraian di <b>Laporan Cadangan Pindaan Dokumen ISO Universiti Putra Malaysia (Agenda 6)</b> yang telah dibentangkan.</li> <li>(b) dimaklumkan perubahan ini mengambilkira penubuhan CQA sebagai entiti baharu di bawah Pejabat Naib Canselor, Pertukaran Wakil Pengurusan daripada Pendaftar kepada Pengarah CQA, permohonan pindaan daripada peneraju proses dan juga semakan dokumentasi secara berkala.</li> <li>(c) bersetuju meluluskan cadangan pindaan Manual Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001 untuk dikuatkuasakan pada 13 Mei 2016.</li> </ul>	<b>Makluman</b> <b>Makluman</b> <b>PKD</b>

Minit 27.6	<p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p><b>Laporan Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2016</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mengambil maklum dan meneliti laporan perancangan dan pelaksanaan aktiviti ISMS Tahun 2016 adalah seperti mana kertas edaran mesyuarat, yang telah dibentangkan.</li> <li>(b) mengambil maklum UPM telah berjaya memperolehi Pensijilan ISMS pada 4 Januari 2013 dengan nombor pensijilan AR5761, dengan skop pensijilan seperti berikut - <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat hanya melibatkan Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra. (PTJ yang terlibat adalah Bahagian Kemasukan dan Tadbir Urus Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Bursar, Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Keselamatan Universiti dan Kolej Kediaman);</li> <li>(ii) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (melibat PTJ IDEC); dan</li> <li>(iii) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (melibat PTJ IDEC).</li> </ul> </li> <li>(c) meminta semua PTJ mengambil perhatian terhadap tarikh penting berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO/IEC 27001) pada 3 hingga 5 Mei 2016; dan</li> <li>(ii) Audit Pemantauan Semakan 1 oleh SIRIM pada</li> </ul> </li> </ul>	
------------	--	--

	<p>27 hingga 29 Ogos 2016.</p> <p>(d) mengambil maklum mengenai cadangan halatuju Pensijilan ISMS UPM pada tahun 2017 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) perluasan skop sedia ada kepada entiti baharu iaitu UPM Kampus Bintulu; dan</li> <li>(ii) perluasan skop baharu berkaitan e-Pembelajaran (PUTRA BLAST).</li> </ul>	<b>Makluman</b>
<b>Minit 27.7</b>	<p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.</p>	<b>Makluman</b>

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 28 April 2016 (Khamis)  
 Masa : 9.00 pagi  
 Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran  
           Universiti Putra Malaysia

**Kehadiran**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN/PTJ</b>
1.	Prof . Dr. M. Iqbal bin Saripan	Pengarah/Pengerusi Mesyuarat
2.	Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh	TWP EMS/ Fakulti Kejuruteraan
3.	Encik Mohd. Faizal bin Daud	TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
4.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin	TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
5.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
6.	Encik Amiruddin bin Abd Aziz	TWP(PP) Sekolah Pengajian Siswazah
7.	Encik Shahrain bin Hashim	TWP(PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
8.	Tuan Haji Hashim bin Md. Shari	TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
9.	Puan Nor Adida binti Ab Khalid	TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
10.	Encik Muzaffar Shah Kassim	TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
11.	Encik Ahmad Nizam bin Abdullah	TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik
12.	Encik Rosmi bin Othman	TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
13.	Encik Roslan bin Parjo	TWP(PTJ) Pusat Kesihatan Universiti
14.	Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail	TWP (PP) Pusat Islam
15.	Dr. Haji Latif bin Anwar	TWP (PP) Bahagian Keselamatan
16.	Encik Julbakar bin Tajudin	TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar
17.	Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman	TWP (PP) Taman Pertanian Universiti
18.	Encik Abd. Razak bin Ahmad	TWP (PP) Penerbit
19.	Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman	TWP (PTJ) Pusat Asasi Sains Pertanian
20.	Encik Mustafa bin Che Ali	TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan
21.	Puan Noraihan binti Noordin	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
22.	Puan Zainaf binti Udin	TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
23.	Encik Saiful Bahrie bin Abdul Manap	TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia
24.	Encik Mohd Nazri bin Noh	TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
25.	Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah	TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
26.	Encik Mohammad Azlan bin Ali Basah	TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
27.	Tuan Haji Amran bin Zakaria	TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
28.	Tuan Haji Mhd. Hussin bin Abdul Rahim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar
29.	Encik Sudirman Asmadi (secara v.c.)	TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB
30.	Tuan Haji Jamsari bin Tamsir	TWP (PTJ) Institut Biosains
31.	Encik Mohd Nazri Mohd Nor	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
32.	Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik
33.	Cik Aidawati binti Ramali	TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
34.	Encik Zamre bin Yaacob	TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial
35.	Puan Sarah Salwah binti Adnan	TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika
36.	Puan Shamriza binti Shari	Pegawai Kawalan Dokumen (PKD)
37.	Puan Noorizai binti Mohamad Noor	Setiausaha/Pusat Jaminan Kualiti

### Turut Hadir

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Puan Mastura binti Abd Rahim	Wakil TWP (PP) Pejabat Bursar
2.	Encik Azizi bin Ismail	Wakil TWP (PP) Pejabat Pendaftar
3.	Puan Suziana binti Sidik	Wakil TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (QMS dan EMS)
4.	Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin	Wakil TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
5.	Cik Maryam binti Othman	Wakil TWP(PP) Pej. Penasihat Undang-Undang (Peneraju QMS dan EMS)
6.	Cik Nur Nadjla binti Ahmad Razei	Wakil TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
7.	Encik Allan Lajot	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan
8.	Puan Ruhaida binti Mohd Yusuf	Wakil Penyelaras Latihan Staf (PLS)

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
9.	Puan Nurzatul Hakimah binti Mahmud Mahayuddin	Wakil Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU)
10.	Puan Nor Afida binti Miskam	Wakil Peneraju EMS Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
11.	Encik Rozaimie bin Abd Hamid	Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
12.	Puan Siti Razimah binti Mohd Noor	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
13.	Puan Morniyati binti Ibrahim	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
14.	Puan Siti Fatimah binti Hasim	Pusat Jaminan Kualiti

### Tidak hadir (Dengan Kenyataan)

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Puan Rohani binti Abdul Latif	TWP (PP) Pejabat Bendahari
2.	Puan Siti Rozana binti Supian	TWP (PP) Pejabat Pendaftar
3.	Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (QMS dan EMS)
4.	Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi Ekhwan	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
5.	Tuan Haji Anuar bin Haji Ahmad	TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
6.	Encik Muhammad Adil bin Ahmad Tajuddin	TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang (Peneraju QMS dan EMS)
7.	Puan Noorizajune binti Abu Bakar	TWP (PTJ) Fakulti Pertanian
8.	Encik Mustaffa bin Hj. Dollah	TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
9.	Encik Asbullah bin Mohd. Yusuf	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan
10.	Puan Fairuz binti Mukhtar	TWP (PTJ) Fakulti Sains
11.	Tuan Haji Ab. Malek bin Simon	TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina
12.	Encik Din bin Ayub	TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju
13.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal
14.	Puan Nor Baizura binti Zamri	TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
15.	Puan Salmee Suhana binti Hashim	TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
16.	Puan Rozi binti Tamin	Penyelaras Audit (PAD)
17.	Encik Muhamzam bin Mansor	Penyelaras Latihan Staf (PLS)
18.	Encik Fahmi Azar bin Mistar	Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU)

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
19.	Dr. Mohd Rafee bin Baharudin	Peneraju EMS Pejabat. Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
20.	Tuan Haji Mat Razi bin Abdullah	Pusat Jaminan Kualiti

**AKTIVITI PELAKSANAAN AMALAN 5S UPM**

Tarikh Kemaskini : 19.2.16

Bil	PTJ	Kesedaran	Sisih (seiri)	Susun (Seiton)	Sapu (Seiso)	Seragam (Seiketsu)	Sentiasa Amal (Shitsuke)	Penyelaras 5S PTJ	Pensijilan Jika Ada
1	Pejabat Naib Canselor							Pn Norazlin Aminudin	
2	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)								
3	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), RMC/PSP	✓	✓	✓	✓	X	X	Pn Hanita Mohd Tajuddin	X
4	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)								
5	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)							En Mohd Saroto Sairan	
6	Pejabat Pendaftar								
7	Bursar								
8	Perpustakaan Sultan Abdul Samad							Pn Azwana Abdul Rahman	
9	Pejabat Penasihat Undang-Undang							Pn Nariza Mohd Elias	
10	Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm)								
11	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	✓	✓	✓	✓	X	X	Pn Hasliza Zakaria En Mohd Zamanu Al Mohtadi Ekhwan	X
12	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan							En Mohd Naim Mohd Ishak	
13	Pusat Islam Universiti							En Wan Mohd Radzi Wan Ismail	
14	Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah							Pn Roshaslina Mohd Basir	
15	Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan (CEM)								
16	Pusat Pengimianan Diagnostik Nuklear	✓	✓	✓	✓	✓	✓	En Nasrudin Yahaya	X
17	Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC)								
18	Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)								
19	Pusat Pembangunan Akademik (CADe)								
20	Pusat Asasi Sains Pertanian	✓	✓	✓	✓	✓	✓	Che Zailawati Abdul Ghani	X
21	Pusat Sukan								
22	Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE)								

23	Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar								
24	Pusat Kesihatan Universiti								
25	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	v	v	v	v	v	v	Pn. Azhana Abdullah	x
26	Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC)							En. Jamalluddin Mohd Yatim	x
27	Pusat Alumni								
28	Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNET)								
29	Pusat Jaminan Kualiti								
30	Bahagian Audit Dalam								
31	Bahagian Akademik							Pn Wan Azma Wan Mohd Zin	
32	Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)							En Hanis Johari	
33	Bahagian Keselamatan								
34	Bahagian Antarabangsa (Putra International)								
35	Putra Science Park (Pusat Pengurusan Inovasi UPM)								
36	Taman Pertanian Universiti								
37	Penerbit UPM							Pn Nor Azila Azmi	
38	Fakulti Pertanian							Pn Nurul Amaliah Bt Othman	
39	Fakulti Perhutanan							En Kamarulizwan b Kamarudin	
40	Fakulti Perubatan Veterinar								
41	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	v	v	v	v	v	v	Pn Rosiha Abdul Razak	x
42	Fakulti Kejuruteraan								
43	Fakulti Pengajian Pendidikan	v	x	x	x	x	x	Pn Nadiah Bt Kamaruddin	x
44	Fakulti Sains	v	v	v	v	v	v	En Muhammad Raznisyafiq Razak	Malaysian Productivity Corp(MPC)
45	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	x	v	v	v	x	x	En Dahlan Ismail Abu Bakar	x
46	Fakulti Ekologi Manusia							En Mohamad Nazry Hisham	
47	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi	v	x	x	x	x	x	Pn Emilia Markun	x
48	Fakulti Rekabentuk dan Senibina	v	x	x	x	x	x	Pn. Zenaida Md Zenon	x
49	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan							En Ahmad Fauzi Abu Bakar Pn Nurul Ain Mohamed Maarof	

50	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat						Pn Noor Azura Ibrahim	
51	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul							
52	Fakulti Pengajian Alam Sekitar						Pn Rina Mazni Musa	
53	Sekolah Pengajian Siswazah							
54	Institut Kajian Perladangan							
55	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu							
56	Institut Biosains	✓	✓	✓	✓	✓	Pn Aziah Hj Noh	x
57	Institut Teknologi Maju	✓	✓	✓	✓	x	Pn Norizanne Abd Rahim	x
58	Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (IPPM)							
59	Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM)						Pn Wan Rohani Wan Mohamed	
60	Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan							
61	Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH)						Pn Wan Hanariah Wan Tahir	
62	Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)							
63	Institut Pertanian Tropika						Pn Sarah Salわh Adnan	
64	Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP)							
65	Akademi Sukan							
66	Kolej Kediaman						En Mohd Junaidi Ismail	